



NOTA LENGKAP

MPU 11012 – PENGAJIAN MALAYSIA

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

EDISI PERTAMA

Editor

NUR HANANI BINTI SARIMAN

NORAZLINUN BINTI MUHAMAD

PENULIS

NORAZIZAH BINTI MISDUKI
(KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT)

HARYATY SUA LIYA BINTI SUKIMIN
(KOLEJ KOMUNITI SHAH ALAM)

SHAH RULBANI BINTI ZAKARIA
(KOLEJ KOMUNITI LIPIS)

LUKMAN HAKIMI BIN AHMAD
(KOLEJ KOMUNITI BERA)

NUR JAMILAH BINTI HJ. CHEK WAN PADZILAH
(KOLEJ KOMUNITI KELANA JAYA)

MOHD REDZWAN ABDUL MUTALIB
(KOLEJ KOMUNITI JERANTUT)

THILAGAVATHI A/P MALAYANDY
(KOLEJ KOMUNITI AMPANG)

NOORULHUDA BINTI MD TOLAH
(KOLEJ KOMUNITI HULU SELANGOR)

NOR AISHAH BINTI OTHMAN
(KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH)

NURUL NUHA BINTI HARUN
(KOLEJ KOMUNITI MANJUNG)

MY ROZANA BINTI MOHAMMAD
(KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK)

SITI HALIJAH SUKIMAN
(KOLEJ KOMUNITI BAGAN DATUK)

RAZIZAN BIN SAMAD
(KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM)

M.SHARIFF BIN AZIZ
(KOLEJ KOMUNITI TELUK INTAN)

NUR HANANI BINTI SARIMAN
(KOLEJ KOMUNITI SELAYANG)

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan ebook ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada pihak penulis. Kebanyakan gambar digunakan adalah sekadar hiasan tiada kena mengena dengan artikel atau individu itu sendiri.

Edisi Pertama – 2021

Diterbitkan oleh

**Kolej Komuniti Selayang
Persiaran Pegawai, KM 16 Jalan Ipoh
68100 Batu Caves, Selangor
Tel : 03-6136 8200
Fax : 03-61207200**

PENAFIAN

Naskah ini dihasilkan untuk dijadikan rujukan dan menyalurkan maklumat umum kepada pembaca. Anda mungkin perlu merujuk kepada sumber utama atau pengamal profesional untuk mengesahkan sesuatu fakta seandainya ia dirasakan meragukan.

Tidak ada jaminan yang diperakukan bahawa maklumat yang terkandung di dalam naskah ini adalah tepat dan lengkap. Ia adalah kompilasi berdasarkan dapatan serta hasil pengumpulan dari rujukan yang dibuat oleh semua para penulis.

Pengarang serta penerbitnya dengan ini secara khususnya tidak bertanggungjawab atas apa-apa risiko kehilangan liabiliti, samaada secara peribadi atau tidak, yang berlaku akibat penggunaan dan dapatan fakta dari kandungan naskah ini, samaada secara langsung atau tidak langsung.

Cara penyampaian di dalam naskah ini mungkin tidak sesuai bagi pemahaman untuk setiap individu maka rujukan tambahan adalah digalakkan bagi menyokong fakta-fakta yang ingin disampaikan.



PRAKATA

Kompilasi NOTA LENGKAP MPU 11012 – PENGAJIAN MALAYSIA edisi pertama ini merupakan hasil gabungan penulisan oleh setiap pembangun nota dan soalan penilaian dari Kolej Komuniti Zon Tengah. Setiap tenaga pengajar mempunyai pengalaman serta pemahaman yang mendalam terhadap kursus ini. Hasil pemahaman serta ringkasan fakta adalah yang terbaik bagi memudahkan penyampaian pensyarah serta pemahaman pelajar. Sudah pasti mereka yang mengajar sahaja tahu apakah aras pemahaman serta kesesuaian ayat bagi memudahkan penyampai pengajaran dan pembelajaran.

Selaku editor serta salah seorang pembangun nota dalam edisi ini, adalah besar harapan saya agar kompilasi yang dibangunkan dalam bentuk ebook ini dapat memudahkan serta membantu seluruh warga pendidik Kolej Komuniti dan para pelajar melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih lancar serta lebih selaras tidak kira di mana pun lokasi anda. Semoga ebook ini memberi manfaat kepada semua.

Nur Hanani Sariman

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	iii
TOPIK 1 : SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN, PEMBENTUKAN MALAYSIA DAN IDENTITI KEBANGSAAN.	
1.1 Membincangkan proses pengukuhan semangat patriotisme di Tanah Melayu ke arah mencapai kemerdekaan	2
1.2 Membincangkan proses pembentukan Malaysia	33
1.3 Membincangkan konsep identiti kebangsaan	52
TOPIK 2 : SISTEM PEMERINTAHAN DAN STRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA	
2.1 Menerangkan sistem Demokrasi Berparlimen	61
2.2 Menerangkan konsep Raja Berperlembagaan	65
2.3 Menerangkan tiga komponen utama kerajaan	78
2.4 Menerangkan proses pilihan raya	84
TOPIK 3 : PERLEMBAGAAN MALAYSIA	
3.1 Menerangkan peranan Perlembagaan Malaysia dalam sistem politik negara.	93
TOPIK 4 : KEMASYARAKATAN DAN PERPADUAN	
4.1 Membincangkan pembentukan masyarakat majmuk dan perpaduan di Malaysia.	112
4.2 Membincangkan konsep perpaduan negara dan intergrasi nasional bagi membentuk hubungan dan interaksi sosial dalam masyarakat majmuk.	131
4.3 Mengamalkan konsep Rukun Negara sebagai satu strategi pemantapan perpaduan bagi mewujudkan hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.	152
TOPIK 5 : ISLAM DI MALAYSIA	
5.1 Menunjukkan kefahaman mengenai kedudukan Islam di Malaysia	157

TOPIK 1

SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN,
PEMBENTUKAN MALAYSIA DAN IDENTITI
KEBANGSAAN

1.1 MEMBINCANGKAN PROSES PENGUKUHAN SEMANGAT PATRIOTISME DI TANAH MELAYU KE ARAH MENCAPAI KEMERDEKAAN





1.1.1

**Reaksi penduduk
tempatan
terhadap
penjajahan
British**



NANING

Naning terletak di bahagian pedalaman utara luar Melaka yang bersempadan antara

Rembau dan Melaka.

Naning mempunyai 25 buah mukim; 22 terletak di daerah Alor Gajah sementara 3 berada dalam daerah Jasin.

Pemimpin gerakan penentangan Naning adalah

Penghulu Abdul Said @ Dol Said yang merupakan Penghulu Naning ke-9 yang dilantik pada tahun 180

Reaksi penduduk tempatan terhadap penjajahan British



PENENTANGAN DI NANING (1831-1832)

- ❖ Naning merupakan sebahagian daripada Melaka.
- ❖ Gabenor Fullerton menyatakan Naning perlu bayar 1/10 daripada hasil ekonomi kepada British
- ❖ Cadangan British ditentang oleh Dol Said (Pengkulu Naning). Perang Naning tercetus pada bulan Julai 1831
- ❖ Naning diisytiharkan sebagai sebahagian wilayah Melaka.
- ❖ Februari 1834 Dol Said menyerah diri

Reaksi penduduk tempatan terhadap penjajahan British

PENENTANGAN DI PERAK


- British dan Birch menyekat hak mengutip cukai oleh sultan dan Pembesar Melayu
- paksa sultan tanda tangani surat penyerahan kuasa kepada kerajaan British 1875
- pembaharuan oleh J.W.W Birch :
 - Hapus sistem perhambaan
 - beri perlindungan kepada hamba
 - campur tangan dalam adat resam orang melayu
- sikap peribadi Birch
 - buat pembaharuan secara tergesa-gesa
 - tidak boleh berbahasa melayu



Pandak Indut

Dato Seri
Maharaja Lela

Dato Sagor



PENENTANGAN DI PERAK

- Dato Maharajalela, Dato Sagor Dan Pak Endut dan Seputum menentang British dan membunuh J.W.W. Birch pada Nov 1875 di Pasir Salak
- Mereka dihukum di Matang 1879.
- Sultan Abdullah dan Ngah Ibrahim dibuang negeri ke Pulau Seychelles

PENENTANGAN DI PAHANG

- Penentangan bermula apabila British lantik J.P Rodger sebagai Residen Pahang 1888. Beliau telah memperkenalkan jawatan pemungut cukai dan majistret serta memperkenalkan sistem lesen dan permit (pungut hasil hutan), cukai tanah dan sistem kerah.
- Pembesar Melayu Tok Gajah, Dato Bahaman dan Mat Kilau melancarkan pemberontakan pada Dis 1891 dan serang balai Polis Lubuk Terua dan Kuala Tembeling.
- Pemberontakan berakhir pada tahun 1895. Tok Gajah, Dato Bahaman dan Mat Kilau melarikan diri ke Terengganu, Kelantan dan akhirnya ke Siam.



Dato Bahaman




Tok Gajah



Mat Kilau

PENENTANGAN DI KELANTAN

- Melalui perjanjian Bangkok 1909, Kelantan diserahkan kepada British dan James Scott Mason - penasihat British Julai 1909
- Penentangan Inggeris dipimpin oleh **Haji Mat Hassan bin Munas (Tok Janggut)**
- Punca penentangan:
 - a) ketidakpuasan hati Engku Besar Jeram
 - b) Sistem Tanah Baru 1915
 - c) Pengenalan cukai hasil pertanian
 - d) Sikap pegawai British
- Sikap Pegawai Daerah iaitu Che Abdul Latif menimbulkan kemarahan orang ramai. Tercetus pemberontakan diketuai oleh Tok Janggut di Pasir Puteh 29 April 1915. Pemberontakan tamat pada 24 Mei 1915.



PENENTANGAN DI TERENGGANU

- Pemberontakan di Terengganu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Haji Abdul Hamid (Haji Abdul Rahman Limbong) dikenali sebagai pemberontakan Tani pada 1928
- Faktor pemberontakan Tani:
 - a) pungutan cukai tanah, hasil tanah dan cukai kepala
 - b) perkenalkan sistem pendidikan barat
 - c) perkenalkan pas kebenaran untuk membuka tanah, bercucuk tanam dan memungut hasil hutan

Pemberontakan berlaku pada 21 Mei 1928 serang balai Polis dan pejabat daerah di Kuala Berang.

- Pemberontakan dapat ditumpaskan. Abdul Rahman Limbong dibuang ke Mekah.



Hj. Abdul Rahman
Limbong

PENENTANGAN DI SARAWAK

Sebelum Perang Dunia Kedua, Sarawak ditadbir oleh dinasti Brooke. Beberapa pemberontakan berlaku:


a) Rentap

1853, Brooke hapuskan amalan memburu kepala manusia yang menjadi amalan tradisi orang peribumi Sarawak. Melalui Rentap mereka menyerang Kubu Brooke di Sungai Skrang dan bunuh pegawai Brooke iaitu Alan Lee.

1861, Brooke lancar serangan secara besaran Kubu Rentap di Bukit Sadok

b) Banting

ketua kaum Iban di Hulu Batang Lupar. Punca tentangan akibat tindakan Brooke kuasai kawasan Banting dan hapus adat dan amalan tradisi tempatan 1908, Brooke berjaya tewaskan Banting



PENENTANGAN DI SARAWAK

c) Sharif Masahor


penentangan berpunca daripada tindakan James Brooke memperkenalkan sistem pemerintahan baru dan kuasai kawasan Sungai Rejang

Beliau merupakan Gabenor Sarikei di sungai Rejang dilantik oleh sultan Brunei

d) Asun

semasa pemerintahan Vyner Brooke 1920, orang Dayak menentang pembayaran cukai dan memberontak di Sungai Kanowit diketuai oleh Penghulu Asun

1932, Asun menyerah diri dan di buang negeri ke Lundu



Sharif Masahor

PENENTANGAN DI SABAH

Sabah terletak di bawah Syarikat Borneo Utara British. Dua pemberontakan tercetus iaitu :

a) Pemberontakan Mat Saleh

Mat Saleh berketurunan Bajau dan Suluk. Berpunca akibat pengenaan cukai, pembangunan secara besar-besaran dan sekatan terhadap pembesar tempatan. Siri penentangan tercetus di Sungai Sugut (1894) , serang perlabuhan Syarikat di Pulau Gaya (1897). Akhirnya Mat Saleh terbunuh pada tahun 1900.

b) Kebangkitan Rundum

diketuai oleh Antanu pada 1915 faktor pemberontakan cukai keatas beras dan ubi kayu, ordinar hutan dan kerah rakyat membina jalan-jalan kecil di hutan

Feb 1915, serang pejabat kerajaan di Pensiangan. Gagal dan Antanu di tawan dan dihukum bunuh.



Datu Paduka Mat Salleh



1.1.2 KONSEP MALAYAN UNION

1. Kekalahan kepada Jepun semasa perang dunia ke 2 telah menyebabkan British mengkaji semula sistem pentadbiran di Tanah Melayu
2. Julai 1943, Malayan Planning Unit (MPU) telah ditubuhkan bagi merangka perlembagaan baru Tanah Melayu.
3. British mendapat semula Tanah Melayu pada 15 Ogos 1945 setelah Jepun menyerah kalah.
4. Malayan Union (MU) diluluskan oleh Parlimen British pada 10 Oktober 1945.
5. Sir Harold Mac Michael telah dihantar ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan 9 orang raja Melayu secara tidak sah.
6. Diisytiharkan secara rasmi oleh British pada Januari 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara), Kuala Lumpur
7. Gabenor pertama – Sir Edward Gent.



Sebab-sebab Penubuhan Malayan Union

Perasaan anti-Melayu – sebab orang Melayu bekerjasama dengan Jepun sebelum ini.

Penyatuan wilayah yang berasingan dan meningkatkan kecekapan pentadbiran

Percubaan British ke arah pemerintahan sendiri oleh masyarakat tempatan

Langkah penyatuan British untuk mengintegrasikan kaum Melayu, Cina dan India menjadi Komuniti yang kuat. Membentuk bangsa Malayan Union

Mengawal kuasa ekonomi & politik orang Melayu

Menjimatkan kos pentadbiran.



Sebab-sebab Penubuhan Malayan Union

Jamin penguasaan British terhadap sumber ekonomi Tanah Melayu (pengeluar bijih timah dan getah)

Pastikan sumbangan golongan imigran sebagai sumber tenaga kerja dan pelabur tidak terjejas.

Kukuhkan pertahanan British



Isi-isi Perjanjian Malayan Union

1. Sebuah negara kesatuan
2. Menggabungkan 11 Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tak Bersekutu dan 2 Negeri Selat
3. Singapura diasingkan dan menjadi Tanah Jajahan Mahkota-sebagai pelabuhan bebas
4. Malayan Union diketuai Gabenor British yang dilantik oleh Ratu England




Isi-isi Perjanjian Malayan Union

5. Pesuruhjaya mengetuai negeri sebagai Ketua Pentadbir
6. Kerakyatan sama rata berdasarkan prinsip Jus Soli
7. Raja-raja melayu menjadi ahli Majlis Raja-raja dan hanya membincangkan soal agama dan adat
8. Majlis Eksekutif & Majlis Undangan diwujudkan sebagai badan pelaksana & perundangan



Bentuk Pentadbiran Malayan Union





Reaksi rakyat tempatan terhadap Malayan Union

Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu kerana:-

- i. Kehilangan kedaulatan raja, kuasa raja raja melayu terhakis.
- ii. Pemberian kerakyatan secara Jus Soli yang mengancam status quo Melayu (mendapatkan kerakyatan di sesebuah negara berdasarkan kelahiran di negara itu.
- iii. MU digubal tanpa mendapat pandangan daripada orang Melayu.
- iv. Kaedah Sir Harold Mac Michael mendapatkan tanda tangan raja-raja Melayu – menggunakan kekerasan dan paksaan.



Reaksi rakyat tempatan terhadap Malayan Union

Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu kerana:-

- v. Bimbang warisan Melayu tergugat
- vi. Tidak bersedia membuat perubahan politik
- vii. Bimbang kedudukan agama islam tercabar
- viii. Sultan tidak diberi masa yang cukup untuk berunding



Reaksi rakyat tempatan terhadap Malayan Union

Reaksi Orang Bukan Melayu

1. Mengambil pendekatan tunggu dan lihat kerana British menjanjikan kerakyatan yang sama.
2. British menanggukkan hak kerakyatan kerana mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu menyebabkan orang Cina menganggap British mungkir janji.
3. Tindakan British mengeluarkan Singapura dari MU mendapat kecaman dari orang Cina.
4. Bantahan orang Cina melalui akhbar Cina dan pertubuhan berhaluan kiri *Malayan Democratic Union (MDU)*
5. *Kaum India tidak berminat dengan politik Tanah Melayu kerana mereka lebih memberi tumpuan kepada perkembangan politik di India (Parti Kongres India)*



Kegagalan Malayan Union

Pemulauan oleh orang Melayu

- Wakil orang Melayu tidak hadir ke Majlis Pelantikan Gabenor.

Kebangkitan semangat nasionalisme

- Tentangan hebat daripada orang Melayu

Tidak mendapat sokongan semua pegawai tadbir British

- Segolongan bekas pegawai tadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu seperti Frank Swettenham, R.O Winstedt dan George Maxwell turut melahirkan rasa tidak puas hati terhadap rancangan penubuhan MU.



**Tindakan
Menentang
Malayan
Union**

Bantahan Raja-Raja Melayu

Bantahan Melalui akhbar

Demonstrasi

Gerakan Persatuan Melayu


Mengadakan congress Melayu

Mengadakan Rapat Umum

Menubuhkan UMNO

1.1.3) PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (1948)

- Kerajaan British membentuk Jawatankuasa Kerja bertujuan menggubal perlembagaan bagi Tanah Melayu.
- Dianggotai:
 - 4 orang wakil raja
 - 2 orang wakil UMNO
 - 6 orang pegawai British
- Penerbitan Laporan dapatan pada Disember 1946.



Bantahan masyarakat

- ❑ Disember 1946 : Majlis Tindakan Bersama Seluruh Tanah Melayu (AMCJA) – mewakili kaum bukan Melayu
- ❑ 16 Mac 1947 : Pusat Tenaga Kerja Rakyat (PUTERA) – bantahan kaum Melayu radikal.
- ❑ Gabungan AMCJA – PUTERA mewujudkan Perlembagaan Rakyat yang mengandungi 10 perkara.

Perlembagaan Rakyat

Syarat utama perlembagaan ini seperti berikut:

- i. Singapura disatukan dengan Tanah Melayu.
- ii. Sebuah Kerajaan Pusat dan Majlis Negeri dipilih melalui pilihanraya.
- iii. Raja-raja Melayu mempunyai kuasa sebenar dan bertanggungjawab kepada rakyat.
- iv. Keistimewaan Melayu diwujudkan.
- v. Adat istiadat dan agama Islam dikawal oleh orang Melayu.
- vi. Kerakyatan yang sama rata.
- vii. Merah dan putih menjadi latar belakang bendera Tanah Melayu.
- viii. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.
- ix. Pertahanan dan hal ehwal luar negeri menjadi tanggungjawab bersama antara British dan Tanah Melayu.
- x. Warganegara Tanah Melayu harus dinamakan “Melayu”.

Syarat Utama Persekutuan Tanah Melayu (PTM)

- 1) 9 buah negeri termasuk Pulau Pinang dan Melaka terlibat dalam Persekutuan. Namun, Singapura menjadi Tanah Jajahan Mahkota British yang berasingan.
- 2) Kerajaan PTM diketuai Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik kerajaan British dan dibantu Majlis Undangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan.
- 3) Sultan diberikan semula hak dan kuasa ke atas negeri masing-masing dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Majlis Undangan Negeri.

Sambungan...

- 4) Kerajaan Negeri diberikan hak ke atas perkara kesihatan, pendidikan, tanah dan pertanian.
- 5) Syarat kewarganegaraan diketatkan, iaitu seseorang pemohon mestilah telah lahir dan bermastautin selama 8 tahun di Tanah Melayu. Pemohon asing hendaklah bermastautin selama 15 tahun dan umur minima 18 tahun serta berpengetahuan Bahasa Melayu dengan baik.
- 6) Orang Melayu diberi hak istimewa sebagai kaum Bumiputera dan orang Melayu mempunyai perwakilan terbesar dalam kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Kemunculan Parti Politik di Tanah Melayu



Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) – 11 Mei 1946

- Presiden: Dato' Onn Jaafar
- Matlamat: Menentang Malayan Union & menyatupadukan serta mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu



Kongres India Malaya (MIC) – 8 Ogos 1946

- Presiden: John A. Thivy
- Tujuan: mempejuangkan kepentingan politik, ekonomi dan sosial kaum India serta mewakili kaum India menyampaikan pendapat kepada kerajaan




Persatuan Cina Malaya (MCA) – 27 Februari 1949

- Presiden: Tan Cheng Lock
- Tujuan: Melindungi hak dan kepentingan orang Cina serta memelihara keharmonian kaum Cina




Perikatan (Parti gabungan UMNO – MCA – MIC)

- 1952 : UMNO – MCA : menang 9/12 kerusi Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
- 1955 : UMNO – MCA – MIC : menang 51/22 kerusi Pilihanraya Umum PTM



Parti Malaya Merdeka (IMP) – 16 September 1951


- Ditubuhkan Dato' Onn Jaafar bagi mewujudkan kerjasama semua kaum dalam satu parti.
- Gagal = masyarakat berbilang kaum masih belum bersedia bergabung.



Parti Islam Se-Malaya (PAS) – 24 November 1951

- Yang Dipertua : Haji Ahmad Fuad bin Hasaan
- Perjuangan mendapatkan kemerdekaan tanah air dengan menjadikan agama Islam sebagai asas masyarakat dan kerajaan

1.1.4) Proses ke arah kemerdekaan Tanah Melayu



Antara intipati Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Bil	Perkara
1	Sistem politik berasaskan Raja Berpelembagaan. Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara yang dipilih di kalangan 9 raja Melayu.
2	Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dilantik dalam kalangan Dewan Rakyat.
3	Persekutuan ditadbir berdasarkan Demokrasi Berparlimen. Sebuah parlimen dibentuk yang dianggotai oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat.
4	Syarat kewarganegaraan diperkemas iaitu: <ul style="list-style-type: none">i) Kewarganegaraan diberi kepada semua orang yang lahir di Tanah Melayu selepas merdeka.ii) Kewarganegaraan juga diberi kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas, dilahirkan di Tanah Melayu dan telah menetap selama 5 tahun.iii) Kewarganegaraan juga diberikan kepada mereka yang berumur 21 tahun ke atas walaupun lahir di luar Tanah Melayu tetapi telah menetap selama 8 tahun dan boleh berbahasa Melayu.iv) Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.v) Agama Islam sebagai agama persekutuan, tetapi kebebasan agama dibenarkan.

1.2 Membincangkan proses pembentukan Malaysia.


- 1.2.1 Membincangkan **faktor-faktor** pembentukan Malaysia.
- 1.2.2 Membincangkan **reaksi Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura** terhadap pembentukan Malaysia.
- 1.2.3 Membincangkan **reaksi Indonesia dan Filipina** terhadap pembentukan Malaysia.
- 1.2.4 Menerangkan **langkah-langkah** pembentukan Malaysia.
- 1.2.5 Membincangkan **syarat Perjanjian** Malaysia 1963.

1.2.1 FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN MALAYSIA



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **keselamatan**

- Perkembangan pengaruh komunis dalam Barisan Sosialis akan menggugat rancangan British untuk memberi kemerdekaan kepada Singapura.
- Perkembangan politik di Singapura ini juga membimbangkan Tunku Abdul Rahman.
- Beliau bimbang pengaruh komunis dari Singapura akan merebak ke Persekutuan Tanah Melayu.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **ancaman komunis**

- Ancaman komunis ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman mengemukakan cadangan pembentukan Malaysia dengan menggabungkan Singapura, Sarawak, Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu.
- Pembentukan Malaysia akan dapat membentuk pakatan yang kuat untuk membentaras ancaman komunis.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **kemerdekaan**

- Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura masih belum mencapai kemerdekaan daripada penjajah British.
- Penyertaan mereka dalam Malaysia akan menjamin kemerdekaan yang lebih awal kerana Malaysia dijangka akan dibentuk dalam tempoh dua tahun.
- Negeri-negeri tersebut juga dapat menikmati pembangunan politik, ekonomi dan sosial selaras dengan Persekutuan Tanah Melayu.
- Jelaslah bahawa, kemerdekaan merupakan faktor pembentukan Malaysia.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **dekolonisasi British**

- Dekolonisasi British merupakan faktor pembentukan Malaysia kerana pembentukan Malaysia adalah selaras dengan hasrat dekolonisasi terhadap negara-negara kecil yang belum membangun.
- Pada tahun 1960, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menimbulkan usul agar tanah-tanah jajahan diberi kemerdekaan.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek politik

- Pembentukan Malaysia diharap dapat menjamin kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.
- British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak.
- British perlu mewujudkan kestabilan politik serantau untuk memastikan kepentingan mereka terus terkawal terutama pengkalannya di Singapura.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **ekonomi**

- Ekonomi menjadi faktor pembentukan Malaysia kerana perkembangan ekonomi tidak seimbang dalam negeri-negeri Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.
- Ekonomi Sabah dan Sarawak masih mundur berbanding dengan negeri-negeri lain.
- Pembentukan Malaysia akan mewujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan akan menguntungkan negerinegeri yang mundur.
- Penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang lebih luas untuk
- menggalakkan lagi pelaburan dan perkembangan industri pertanian, dapat mewujudkan kerjasama yang memanfaatkan sumber yang sedia ada, misalnya Tanah
- Melayu kaya dengan biji timah dan getah, Sarawak dan Sabah kaya dengan sumber balak, dan Brunei kaya dengan sumber minyak.



Faktor-faktor pembentukan Malaysia : Aspek **keseimbangan kaum**

- Pembentukan Malaysia dapat menyeimbangkan kaum dengan menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura akan menimbulkan masalah ketidakseimbangan kaum di negara kita.
- Singapura mempunyai bilangan orang cina yang lebih ramai manakala Sabah, Sarawak dan Brunei mempunyai bilangan bumiputera yang lebih ramai.
- Penyertaan negerinegeri tersebut dalam Malaysia dapat mengimbangi kaum di kalangan negara anggota. Pembentukan Malaysia juga mewujudkan kesepadatan dan semangat setia kawan di kalangan anggotanya.



REAKSI SABAH, SARAWAK, BRUNEI DAN SINGAPURA TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA.



REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA : TANAH MELAYU, SABAH DAN SARAWAK

NEGERI	MENYOKONG	SEBAB	MENENTANG	SEBAB
Persekutuan Tanah Melayu	UMNO / Penduduk Tanah Melayu	<ul style="list-style-type: none"> •Membantu masyarakat Bumiputra •Memperoleh manfaat percuma 	PAS & Barisan Sosialis	Curiga terhadap gabungan ini
Sabah / Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> •Sebahagian penduduk yang bukan beragama Islam •Penduduk Bumiputera beragama Islam 	Bumiputra jauh ketinggalan. Kaum Bumiputera boleh menerima layanan yng baik apabila memasuki Persekutuan	Parti kebangsaan Sarawak (SNAP)	Sangsi dgn konsep penubuhan. Khuatir d' jajah & d'dominasi p'duduk S'menanjung T.M

REAKSI BRUNEI DAN SINGAPURA TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA

NEGERI	MENYOKONG	SEBAB	MENENTANG	SEBAB
Brunei	Sultan Omar Ali Saifuddin	Hasrat : meperolehi kemerdekaan sendiri sebelum digabungkan	Parti Rakyat Brunei (PRB) : dipimpin oleh A.M Azahari	Lebih berminat dengan gabungan negeri-negeri di Borneo
Singapura	Parti Tindakan Rakyat	Menyelamatkan parti dari ancaman golongan kiri	<ul style="list-style-type: none"> •Parti Rakyat Singapura •Parti Buruh Singapura 	Berpendapat British akan mengekalkan kuasanya

REAKSI INDONESIA DAN FILIPINA



REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA : INDONESIA

NEGARA	TOKOH	BENTUK	TINDAKAN	PENYELESAIAN
Indonesia	Presiden Sukarno	Agresif	<ul style="list-style-type: none"> •Indonesia menentang keras dan menyokong Parti Rakyat Brunei •President Sukarno mmbentuk konfrontasini terhdap Malaysia dengan slogan “Ganyang Malaysia” •Dr. Subandrio(Menteri Luar) membuat sidang akhbar & mengisyhtiharkan dengan rasmi penentangan pembentukan Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> •Penubuhan MAPHILINDO •Hubungan tegang ini berpanjangan sehinggalah pada bulan September1965 apabila berlaku pemberontakan berseniata di Indonesia. Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno. <p>Presiden Soeharto kemudiannya menghantar Menteri Luar Indonesia, Adam Malik, bagi memulihara hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia. Menjelang bulan Ogos 1966, berakhirilah konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.</p>

REAKSI TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA : FILIPINA

NEGARA	TOKOH	BENTUK	TINDAKAN	PENYELESAIAN
Filipina	Presiden Macapagal	Tidak Agresif	<ul style="list-style-type: none"> •Kerajaan telah membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah pada bulan Jun 1962. •Kerajaan Filipina dengan tegas mendakwa Sabah masih merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu. •Tuntutan ini berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878 antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck. •Baron Von Overbeck kemudian telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent yang telah menubuhkan syarikat perdagangan yang berjaya memperoleh Piagam Diraja daripada British. Pada tahun 1881, syarikat ini dikenali sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB). Syarikat inilah yang memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun. •Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British 	<ul style="list-style-type: none"> •Penubuhan MAPHILINDO •Walau bagaimanapun, pajakan ini telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu yang terakhir, iaitu Sultan Esmail Kiram pada 22 Januari 1958. •Menjelang bulan Jun 1966, Filipina telah mengiktiraf penubuhan Malaysia. • Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha membaiki hubungan antara kedua-dua negara melalui MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia)

LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA



1

CADANGAN

Cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman 1961.

Akhir Mei 1961, Tunku Abdul Rahman berucap di Singapura. Jun 1961, beliau melawat Sabah dan Sarawak. Julai 1961, beliau melawat Brunei.

Semua lawatannya bertujuan untuk menerangkan konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia. Hasilnya Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum (JPPK) ditubuhkan. Brunei hanya menghantar pemerhatinya.

2

JPPK 1961

Penubuhan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) 1961

Peranan JPPK ialah untuk menerangkan kepada orang ramai; mengumpul pandangan penduduk dan menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia.

Mesyuarat JPPK berlangsung sebanyak 4 kali; Jesselton, Kuching, KL dan Singapura.

Februari 1962, JPPK mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold. Sabah dan Sarawak dimasukkan dalam perlembagaan baru.

3

Suruhanjaya Cobbold

Penubuhan Suruhanjaya Cobbold dibentuk untuk meninjau reaksi penduduk Sabah dan Sarawak menyertai persekutuan Malaysia.

Laporan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan bahawa persetujuan dicapai untuk membentuk persekutuan Malaysia, maka Perjanjian ditandatangani oleh wakil kerajaan British.



LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

4

PENUBUHAN JAK

JAK dibentuk pada Ogos 1962 dan dianggotai oleh Lord Landsdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) dan Tun Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu).

Tujuan JAK adalah untuk membuat lawatan ke Sabah dan Sarawak bagi menerangkan tentang penubuhan Malaysia serta membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak.

5

TINJAUAN PBB

Pembentukan Malaysia ditentang oleh Indonesia dan Filipina, Maka tinjauan semula telah dilakukan oleh PBB

6

PEMBENTUKAN MALAYSIA

Pengistiharan Pembentukan Malaysia pada 16 sept 1963

Perjanjian Malaysia 1963.

- Perjanjian Malaysia atau Perjanjian yang berhubungan dengan Malaysia antara United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura ialah persetujuan yang menggabungkan Borneo Utara, Sarawak, dan Singapura dengan negeri-negeri yang sedia ada dalam Persekutuan Tanah Melayu, dengan kesatuan yang terhasil dinamakan Malaysia.
- Singapura kemudian berhenti menjadi sebahagian daripada Malaysia, menjadi sebuah negara yang merdeka pada 9 Ogos 1965.



KANDUNGAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963



AGAMA ISLAM

Islam adalah agama rasmi kecuali Sabah dan Sarawak



BAHASA

Bahasa Melayu adalah Bahasa rasmi dan Bahasa Inggeris masih boleh digunakan.

Bagi Sabah dan Sarawak, Bahasa Inggeris adalah Bahasa rasmi untuk tempoh 10 tahun.



SABAH DAN SARAWAK

Mempunyai kuasa kawal imigresen, kuasa kawal perkhidmatan awam

Taraf bumiputera Sabah dan Sarawak adalah sama taraf dengan bumiputera semenanjung.



PERSEKUTUAN

Hal ehwal luar di bawah kuasa persekutuan.

1.3.1 Maksud identiti kebangsaan

Integrasi kebangsaan bermaksud;

" proses menyatupadukan berbagai-bagai kumpulan yang mempunyai perbezaan kebudayaan dan sosial ke dalam satu sistem wilayah bagi mewujudkan "identiti wilayah" dan mengurangkan dan akhirnya menghapuskan sama sekali kesetiaan yang sempit terhadap sesuatu daerah.

Petikan dari tajuk Integrasi Nasional (Malaysia Kita). (1994). Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Edisi Kedua.

1.3.2 Ciri-ciri identiti kebangsaan

1. Bunga raya
2. Jata Negara
3. Rukunegara
4. Bendera Malaysia
5. Lagu Negaraku

Bunga raya



Hibiscus rosa-sinensis
v. Brilliant

Bunga Raya adalah Bunga Kebangsaan. Bunga Raya berkait dengan lambang yang Malaysia yang berlakunya selepas kemerdekaan yang diarah kepada Kementerian Pertanian untuk mencadangkan bunga yang sesuai untuk dijadikan sebagai Bunga Kebangsaan. Pada tahun 1958, Kementerian Pertanian mencadangkan Tujuh jenis bunga untuk dipilih bertujuan sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Bunga yang dicadang adalah Bunga Kenanga, Bunga Raya, Bunga Melur, Bunga Teratai, Bunga Mawar, Bunga Cempaka dan Bunga Tanjung. Bunga Mawar diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu pada 28 Julai 1960.

Jata Negara



Jata diatas adalah lambang Jata Negara Malaysia yang menunjukkan bintang pecah 14 yang menandakan 13 buah tergolong dalam Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Persekutuan. Bintang bersama anak bulan adalah bermaksud Tanda Agama Islam (agama rasmi Malaysia). Lima bilah keris sebagai maksud Negeri-negeri Melayu yang Tiada Bersekutu dahulu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu).

Pada sebelah kiri perisai adalah Negeri Pulau Pinang dan bahagian kanan dengan pokok Melaka adalah Negeri Melaka. Dalam empat jalur yang sama besarnya dalam bahagian tengah adalah warna warna hitam dan putih ialah warna Pahang. Merah dan Kuning warna Selangor. Hitam putih dan Kuning adalah Perak, Merah, hitam dan kuning adalah Negeri Sembilan.

Pahang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan adalah negeri melayu yang bersekutu. Tiga bahagian dibawah adalah Negeri Sabah pada bahagian sebelah kiri manakala bahagian Kanan adalah Negeri Sarawak. Ditengah itu berwarna merah adalah Bunga Raya yang dikenali sebagai Bunga Kebangsaan. Tujuan harimau disebelah kanan dan kiri bertujuan penumpang Jata Negeri-negeri Melayu yang digunakan Lambang Malaysia dan Keberanian Rakyat Malaysia.

Rukunegara

Rukun Negara adalah IDEOLOGI kebangsaan Malaysia. Dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara pada setahun selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969 yang musnahkan perpaduan dan ketenteraman Negara.

IKRAR

Maka kami rakyat Malaysia berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN.



Bendera Malaysia/ Jalur Gemilang

Bendera Malaysia mengandungi 14 Jalur merah dan putih(melintang) yang sama lebar. Sebagai tanda keanggotaan yang sama dalam Persekutuan 13 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu dan Kerajaan Persekutuan

Jalur merah yang kelima melambangkan Perpaduan Rakyat Malaysia.

Bahagian biru tua yang mempunyai anak bulan, tanda Agama Islam. Bintang pecah 14 tandanya. Perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Warna Kuning pada anak bulan dan bintang adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

Lagu Negaraku

Tahun 1956 negeri Tanah Melayu mempunyai lagu kebesarannya sendiri. Tunku Abdul Rahman adalah Ketua Menteri (Menteri Dalam Negeri) pada ketika itu. Beliau mencadangkan diadakan satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan. Terdapat 514 buah lagu diterima dari seluruh dunia namun tidak ada sebuah lagu dapat dikemukakan untuk dijadikan sebagai Lagu Kebangsaan.

Jawatankuasa berpendapat untuk memperolehi lagu Kebangsaan Malaysia yang baik dengan mengundang beberapa penggubah lagu yang Termasyur dan Ternama. Antara yang dijemput khas adalah Benjamin Britten, Sir William Walton penggubah lagu perbarisan untuk pemahkotaan Raja Elizabeth II pengubah opera Amerika Gian Carlo Menotti Dan Zubir Said. Meraka semua juga ditolak sebagai penggubahan lagu Kebangsaan Malaysia. Akhirnya, Jawatankuasa mengenalpasti di antara lagu kebesaran negeri dijadikan sebagai Lagu Kebangsaan. Kesimpulannya. Lagu Kebesaran Negeri Perak dijadikan sebagai lagu kebangsaan Negara

1.3.3 KEPENTINGAN ADANYA IDENTITI KEBANGSAAN SESEBUAH NEGARA ADALAH :

1. Lambang kedaulatan sesebuah negara

2. Sebagai satu simbol perpaduan dalam kalangan rakyat

3. Memupuk semangat patriotik setiap rakyat Malaysia

4. Menunjukkan identiti sebuah negara yang berdaulat

5. Melahirkan rakyat yang cintakan negara

6. Menjadi simbol rasmi sesebuah negara

1.3.4 Usaha- usaha untuk memelihara identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat kebangsaan.

1. Setiap rakyat perlu memahami makna disebalik setiap identiti Negara seperti Rukun Negara, bahasa kebangsaan, lagu Negaraku, bendera Malaysia dan sebagainya

2. Memperhebatkan promosi simbol-simbol identiti kebangsaan seperti, lagu Negaraku bukan hanya pada bulan kemerdekaan sahaja

3. Mempertegaskan dan memperkukuhkan nilai identiti kebangsaan ini di segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, kaum dan bangsa.

4. Meletakkan nilai-nilai identiti kebangsaan bersandarkan kepada Perlembagaan dan nilai-nilai yang ada

TOPIK 2


SISTEM PEMERINTAHAN DAN STRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA

2.1 Menerangkan sistem Demokrasi Berparlimen

2.1.1 Apakah Takrif Demokrasi Berparlimen?

- Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara
- Raja-Raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat
- Rakyat berpeluang membentuk kerajaan melalui kebebasan untuk memilih pemimpin






- Wakil demokrasi berparlimen melalui pilihanraya bermaksud rakyat melibatkan diri dalam pemerintahan
- Rakyat berhak menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada melalui pilihanraya
- Sistem ini mengekalkan kerajaan yang adil, sejahtera dan stabil

2.1.2 Apakah ciri-ciri demokrasi berparlimen negara kita Malaysia

- a) Perlembagaan
- b) Raja Berperlembagaan
- c) Kuasa Pemerintahan

(Badan Perundangan, Badan Kehakiman & Badan Pelaksana)



Perlembagaan



Kebebasan Asasi

(Hak untuk bersuara, bergerak & berhimpun)



Raja Perlembagaan



Ciri-ciri Demokrasi Berparlimen



Parlimen
(Parti-parti politik)



Kuasa Pemerintahan
(Badan Perundangan, Badan Kehakiman & Badan Pelaksana)



Pilihan Raya

2.2 Konsep Raja Berperlembagaan

2.2.1 Raja Berperlembagaan.

Raja Berperlembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia

Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri

Jawatan ini adalah lambang perpaduan rakyat Negara Malaysia.

2.2.2 Bidang Kuasa Yang Di-Pertuan Agong (YDPA)



BADAN EKSEKUTIF

Perkara 39 Perlembagaan memberi kuasa eksekutif kepada Yang di-Pertuan Agong dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang di Malaysia dan **Jadual Ke-2**. Kuasa eksekutif dijalankan oleh Menteri atau Menteri-Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri.

Perkara 43 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa YDPA hendaklah melantik sebuah Jemaah Menteri untuk menasihatkannya dalam menjalankan peranannya.

Perkara 40(1) dan 40(1A) Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa YDPA dalam menjalankan pemerintahannya hendaklah mengikut nasihat Jemaah Menteri serta menimbang nasihat yang diberi oleh ahli Jemaah Menteri

YDPA juga mempunyai kuasa untuk melantik Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak bawah butiran 19 A(1) Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

YDPA boleh mengeluarkan suatu **Perisytiharan Darurat (Proclamation of Emergency)** di bawah **Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan**. **Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan** memperuntukkan bahawa jika YDPA berpuas hati bahawa keadaan darurat yang serius berlaku serta mengancam ekonomi, ketenteraman boleh mengeluarkan perisytiharan tersebut.

Walaupun bertindak atas nasihat Kabinet atau Menteri atau selepas berunding atau atas cadangan seseorang atau sesuatu pertubuhan (selain Kabinet), Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicara dalam tiga fungsi Perlembagaan iaitu:

1. Melantik seorang Perdana Menteri. **(Perkara 40 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan)**
2. Bersetuju atau tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen **(Perkara 40 (2) (b) Perlembagaan Persekutuan)**
3. Meminta mesyuarat Majlis Raja-Raja diadakan semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja dan mengambil tindakan dalam mesyuarat itu. **(Perkara 40 (2) (c) Perlembagaan Persekutuan)**

BADAN PERUNDANGAN



Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong sebagai sebahagian daripada Parlimen.

Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan, YDPA boleh memanggil Parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa dan menangguh sidang Parlimen.

Perkara 40(2)(b) & Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan, YDPA boleh memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

Perkara 66(4) Perlembagaan Persekutuan, YDPA juga berfungsi dalam memperkenankan undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Perkara 45(2) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong berperanan untuk melantik Senator ke Dewan Negara. YDPA melantik dua orang senator untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang untuk Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya serta mempunyai kuasa melantik 40 orang senator lain

BADAN KEHAKIMAN

Yang di-Pertuan Agong mempunyai fungsi penting dalam bidang kehakiman. Antaranya :

i. Melantik:

- Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan
- Presiden Mahkamah Rayuan
- Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
- Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
- Hakim Mahkamah Agung
- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi atas nasihat Perdana Menteri setelah dirundingkan dengan Majlis Raja-Raja



ii. Melantik mana-mana orang yang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi Pesuruhjaya Kehakiman (yang mempunyai kuasa sebagai Hakim Mahkamah Tinggi) atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (satu langkah sementara sebelum pelantikan tetap sebagai Hakim Mahkamah Tinggi).

iii. Memanjangkan perkhidmatan seorang hakim yang berumur lebih 65 tahun. Bagaimanapun lanjutan perkhidmatan itu tidak melebihi enam bulan setelah mencapai umur 65 tahun.

Tugas Lain YDPA

Sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata

Menjaga hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sabah & Sarawak

Berkuasa mengurniakan pengampunan dan menangguhkan hukuman bagi kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan semua kesalahan yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan

Agama Islam

Perkara 3(3) Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan-perlembagaan negeri **Melaka, Pulau Pinang, Sabah** dan **Sarawak** hendaklah membuat peruntukan bagi memberi YDPA kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam negeri-negeri ini.

Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan YDPA adalah Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan serta bahawa Parlimen boleh menubuhkan Majlis untuk menasihati YDPA mengenai perkara berkaitan dengan Agama Islam.



Keanggotaan Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja

- - terdiri daripada sembilan orang raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri
- - Pemangku raja bagi negeri YDPA akan mewakili negeri baginda dalam Majlis Raja-raja
- - YDPA hanya menganggotai Majlis Raja-raja
 - a) pada hari kedua masyuarat Majlis Raja-raja
 - b) sewaktu mempertimbangkan hal-hal agama Islam, amalan adat istiadat, dan hal-hal berkaitan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, atau kebesaran raja-raja.

Mesyuarat Majlis Raja- raja

1. Permintaan untuk mengadakan mesyuarat Majlis Raja-raja boleh dibuat oleh:
 - a) Yang di-Pertuan Agong
 - b) tidak kurang daripada tiga orang anggota Majlis Raja-raja
2. Majlis Raja-raja biasanya mengadakan mesyuarat tiga kali setahun. Setiap mesyuarat itu berlangsung selama dua hari setiap kali.
3. Sebelum mesyuarat itu, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bertemu untuk menyediakan kertas kerja yang dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja.
4. Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan mengiringi raja atau Yang di-Pertua Negeri masing-masing untuk menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja pada kedua-dua hari.
5. Pengerusi Majlis Raja-raja dipegang oleh raja setiap negeri secara bergilir-gilir.
6. Apabila Majlis Raja-raja menimbangkan perkara-perkara tentang dasar Negara, Yang di-Pertuan Agong hendaklah disertai Perdana Menteri, raja-raja disertai Menteri-menteri Besar, dan Yang di-Pertua Negeri disertai Ketua-ketua Menteri.
7. Mesyuarat Majlis Raja-raja hanya dihadiri oleh sembilan orang raja jika mesyuarat itu adalah untuk menimbangkan:
 - a) pelantikan dan pemecatan Yang di-Pertuan Agong
 - b) pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
 - c) keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, dan kebesaran raja-raja.
 - d) Perbuatan, amalan, atau upacara agama Islam

2.2.3 Tugas dan Kuasa Majlis Raja-raja

1. Majlis Raja-raja:-

- a) mempertimbangkan soal-soal dasar Negara.
- b) menyetujui atau tidak menyetujui perbuatan, amalan, atau upacara agama Islam meliputi seluruh Persekutuan.
- c) Melantik anggota-anggota Mahkamah Khas Raja-raja
- d) Berkuasa untuk mengampunkan, menggantungkan, atau meringankan hukuman yang dikenakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau raja oleh Mahkamah Khas Raja-raja
- e) Melantik wakil Majlis Raja-raja ke Majlis Angkatan Tentera
- f) memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
- g) Melantik anggota-anggota Mahkamah Khas Raja-raja
- h) Mengampunkan, menggantungkan, atau meringankan hukuman yang dikenakan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan raja oleh Mahkamah Khas Raja-raja

2. Majlis Raja-raja menyetujui atau tidak menyetujui sebarang undang-undang atau pindaan terhadap undang-undang atau Perlembagaan tentang

- a) perbuatan dan amalan yang berkaitan dengan agama Islam; meliputi seluruh Persekutuan
- b) keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, atau kebesaran raja-raja
- c) pengubahan sempadan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia
- d) kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak
- e) kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum yang lain
- f) bahasa kebangsaan
- g) kewarganegaraan (bukan peruntukan tambahan)
- h) keistimewaan Parlimen

3. Majlis Raja-raja memberikan nasihat tentang pelantikan:-

- a) Ketua Hakim Negara
- b) Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, dan Mahkamah Tinggi
- c) Ketua Audit Negara
- d) Pengerusi dan anggota-anggota suruhanjaya

- Majlis Raja-raja penting dalam penyelarasan soal agama Islam di seluruh Malaysia. Hal ini kerana undang-undang digubal oleh Dewan Undangan Negeri dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, akan timbul ketidakteraturan sekiranya tiada penyelarasan dilakukan.

- Perkara 38(4): sebarang undang-undang yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, atau kebesaran raja-raja secara langsung tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-raja

Tugas Penyimpan Mohor Besar Raja-raja



Setiausaha Majlis Raja-raja & dilantik oleh Majlis Raja-raja untuk menyimpan dan menjaga Mohor Besar Raja-raja.

Menerima dan mengedarkan kertas-kertas kerja yang hendak dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Raja-raja


Bertanggungjawab untuk memanggil mesyuarat dari semasa ke semasa atas arahan Yang di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-raja

Menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja dan menyimpan minit-minit mesyuarat

Mengesahkan semua keputusan Majlis Raja-raja

Memaklumkan keputusan pemilihan Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Mengumumkan keputusan Majlis Raja-raja, tarikh berpuasa, tarikh Hari Raya Aidilfitri, dan tarikh Hari Raya Aidiladha



2.3 Menerangkan tiga komponen utama kerajaan

2.3.1 BADAN PERUNDANGAN

MAKSUD

Badan perundangan ialah sejenis majlis perundingan perwakilan yang memiliki kuasa untuk menggubal, meminda dan meratifikasikan undang-undang dan suatu komponen penting dalam system pemerintahan negara.

PERANAN

- *Mendebatkan dan menerima rang undang-undang melalui undi.*
- *Mengikat perjanjian perdamaian atau mengisytiharkan perang.*
- *Membubarkan parlimen.*
- *Memanggil parlimen bersidang.*
- *Mengawal, merancang dan membincangkan bajet negara.*

BADAN PERUNDANGAN



2.3.2 BADAN PELAKSANA

Badan pelaksana juga dipanggil badan eksekutif dan badan pentadbiran


MAKSUD

Badan pelaksana ialah kuasa membuat dasar-dasar kerajaan dan melaksanakan dasar-dasar tersebut dan mempunyai tugas menjalankan kuasa-kuasa pentadbiran kerajaan mengikut perlembagaan dan undang-undang.

PERANAN

- *Membuat keputusan mengenai polisi dan menguatkuasakan undang-undang.*
- *Menjaga hal ehwal hubungan luar negara.*
- *Melantik pegawai-pegawai kerajaan.*
- *Bertanggungjawab terhadap penyiasatan dan keselamatan dalam dan luar negara.*
- *Membuat instrumen perundangan dan undang-undang kecil.*

BADAN PELAKSANA





2.3.3 BADAN KEHAKIMAN

MAKSUD


Badan kehakiman merupakan badan yang bertanggungjawab mentafsir dan melaksanakan undang-undang. Badan ini juga dikenali sebagai sistem perundangan dan ahlinya terdiri daripada para hakim dan majisteret yang biasanya dilantik oleh ketua negara masing-masing.

PERANAN

- *Mentafsir perlembagaan dan undang-undang.*
- *Menjadi pentadbir keadilan dengan membicarakan kes-kes sivil dan jenayah yang berlaku di Malaysia.*
- *Menyemak undang-undang yang diluluskan oleh DUN dan Parlimen.*
- *Melindungi hak-hak asasi manusia daripada pencerobohan pihak eksekutif.*
- *Mengisytiharkan sah atau tidak sah sebarang undang-undang atau tindakan.*

BADAN KEHAKIMAN

Hierarki Mahkamah



2.4 PROSES PILIHANRAYA DI MALAYSIA

2.4.1 Menerangkan maksud dan fungsi pilihanraya

2.4.2 Menghuraikan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya

2.4.3 Menerangkan sistem Pilihan Raya

Pengenalan pilihan raya

Proses pilihan raya diadakan untuk memilih wakil rakyat di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.


Dilaksanakan lima (5) tahun sekali

2.4.1 Menerangkan maksud dan fungsi pilihan raya

Maksud pilihan raya

- Pilihan raya ialah satu kaedah membuat pilihan politik melalui pengundian. Pilihan raya diadakan untuk memilih pemimpin dan penentuan isu. Konsep pilihan raya seumpama ini mengandaikan pemilih diberi beberapa alternatif mengenai isu kepentingan awam dan mereka dapat memilih cadangan yang pada pandangan mereka dapat menyelesaikan isu berkenaan. (Enclyclopedia Britanica, 1984)
- Pilihan raya satu bentuk prosedur yang diterima oleh peraturan organisasi apabila kesemua ataupun sebahagian daripada anggota organisasi berkenaan memilih sejumlah kecil orang ataupun seseorang untuk memegang jawatan berautoriti dalam organisasi itu.
(International Encyclopedia of Social Science, 1972)

2.4.1 Menerangkan maksud dan fungsi pilihan raya



2.4.2 Menghuraikan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya

Peranan Suruhanjaya Pilihan Raya

- Diketuai oleh Pengerusi dan empat ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
- Bebas daripada kawalan kerajaan
- Ketua Pentadbiran ialah Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya
- Dibantu oleh pegawai Pentadbiran Persekutuan dan Negeri untuk mengurus pilihan raya
- Menjalankan pilihan raya untuk Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri
- Menyediakan dan menyemak daftar pengundi
- Menyempadani dan menyemak kawasan pilihan raya.

2.4.3 Menerangkan sistem pilihan raya

Proses pilihan raya :

- Pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri
- Tarikh penamaan calon dan tarikh mengundi ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya
- Kempen Pilihan Raya diadakan
- Suruhanjaya menetapkan tempat mengundi dan tempat pengiraan undi
- Proses pengundian berlangsung
- Keputusan undian diumumkan

2.4.3 Menerangkan sistem Pilihan Raya

Penamaan Calon :

- Mesti berumur 21 tahun
- Hanya seorang wakil akan dipilih bagi setiap kawasan
- Bermastautin secara tetap dalam sesuatu kawasan pilihan raya dan mendaftar dalam daftar pengundi dengan Suruhanjaya Pilihanraya
- Tidak memegang jawatan yang berpendapatan dalam perkhidmatan awam
- Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah dan dihukum penjara tidak kurang daripada 12 bulan atau didenda tidak kurang daripada RM2000.00 dan belum dapat pengampunan
- Tidak layak sekiranya hilang akal dan muflis
- Setiap calon bebas mewakili mana-mana parti
- Calon mesti menyerahkan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon
- Sebelum pilihanraya calon dibenarkan berkempen

2.4.3 Menerangkan sistem Pilihan Raya

Syarat Pengundi :

- Setiap warganegara yang berumur 21 tahun ke atas layak mengundi
- Menetap di kawasan pilihan raya
- Mendaftar nama dalam senarai daftar pengundi
- Pengundi yang tinggal jauh dari kawasan pilihan raya dibenarkan mengundi melalui pos.
- Layak mengundi di satu kawasan sahaja
- Tidak layak mengundi apabila hilang akal atau sedang menjalani hukuman penjara

TOPIK 3

PERLEMBAGAAN MALAYSIA

3.1 Menerangkan peranan Perlembagaan Malaysia dalam sistem politik negara

3.1.1 Definisi Perlembagaan

Prinsip-prinsip asas yang menentukan cara sesebuah negeri diasaskan dan diperintah mengikut undang-undang, adat atau peraturan.

Berkait rapat dengan cara keputusan-keputusan awam dicapai dan kuasa diagihkan antara institusi kerajaan, sama ada peringkat pusat ataupun peringkat tempatan.


Sumber undang-undang tertinggi sesebuah negara.


Diwujudkan untuk menyelaraskan pemerintahan sesebuah negara.


Berperanan sebagai garis panduan pembentukan undang-undang sama ada di pihak pemerintah atau rakyat.


Bermatlamat memberi jaminan dan perlindungan kepada rakyat.

Konsep Perlembagaan


- 
- Perkara yang menyentuh isu **bahasa, agama, bumiputera dan kewarganegaraan** dalam Perlembagaan Malaysia menjadi faktor penting untuk mewujudkan hubungan etnik yang erat dan utuh di kalangan rakyat Malaysia.

- 
- Perkara-perkara yang dianggap menguntungkan orang Melayu dalam Perlembagaan Malaysia **diimbangi** dengan peruntukan lain yang juga memberi kelebihan kepada kaum bukan bumiputera.

- 
- Bagi sebuah negara yang berdaulat, perlembagaan merupakan **sumber undang-undang tertinggi** sesebuah negara dan setiap individu perlu mematuhi keluhurannya.

- 
- Dalam konteks Perlembagaan Islam, negara Islam pertama iaitu Madinah dibawah pimpinan Rasulullah s.a.w telah membentuk **Sahifah Madinah** bagi melicinkan pentadbiran negara Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Proses Penggubalan Perlembagaan



Bentuk-bentuk Perlembagaan

```
graph TD; A[Bentuk-bentuk Perlembagaan] --> B[Perlembagaan Bertulis]; A --> C[Perlembagaan Tidak Bertulis];
```

**Perlembagaan
Bertulis**

**Perlembagaan
Tidak Bertulis**

Perbezaan antara Perlembagaan Bertulis dengan Perlembagaan Tidak Bertulis

Jenis	Perincian
Perlembagaan Bertulis	<p>Merupakan bentuk perlembagaan yang dikumpulkandan disusun dalam sebuah dokumen. Perlembagaan bertulis ini mengandungi tiga (3) sifat yang utama iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kukuh dan sukar untuk dibuat pindaan melainkan ada peruntukan dalam perlembagaan tersebut yng membolehkannya dipinda. • Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang terhadap perkara yang terkandung dalam perlembagaan, tetapi Parlimen dilarang membuat undang-undang yang bertentangan dengan kebebasan asasi. • Mahkamah mempunyai kuasa untuk mentafsir undang-undang dan melindungi perlembagaan. <p>Contoh perlembagaan: Perlembagaan Persekutuan Malaysia</p>

Jenis	Perincian
Perlembagaan Tidak Bertulis	<p>Merangkumi semua prinsip perlembagaan yang tidak terkumpul dalam suatu surat atau dokumen.</p> <p>Contoh perlembagaan: Akta Parlimen dan keputusan-keputusan mahkamah.</p>

3.1.2 Konsep Keluhuran Perlembagaan

Prinsip Rukun Negara Malaysia
yang ketiga

Ketinggian perlembagaan atau
ketertinggian undang-undang

Kedudukannya sebagai undang-
undang tertinggi

Ketertinggian Perlembagaan
Persekutuan tidak dapat diatasi

Berfungsi sebagai pelindung
kepada rakyat

Badan Kehakiman – memelihara
keluhuran dan ketertinggian
Perlembagaan Malaysia



Perlembagaan Persekutuan

- bentuk dokumen rasmi atau perlembagaan bertulis
- mengandungi peraturan & undang-undang



menentukan **corak pemerintahan** sesebuah negara demi mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan damai

Diperkenalkan pada **16 September 1963**

Kandungan Perlembagaan

- 183 perkara
- 15 bahagian
- 13 jadual

Tujuan Perlembagaan

Wujud pemerintahan yang adil

Elak penyalahgunaan kuasa & kawal pergerakan kerajaan dan rakyat

Jaga keamanan & kestabilan negara

Alat rujukan

Kekal identiti / jamin keutuhan dan kedaulatan negara

Ciri-Ciri Perlembagaan

Kestabilan
dalam
pemerintahan

Tanggungjawab
ke atas rakyat

Perwakilan
rakyat melalui
pilihan raya

Pembahagian
kuasa

Kerajaan
bersifat
terbuka

Pindaan Perlembagaan

- Perlembagaan boleh dipinda dari semasa ke semasa (flexible)
 - Tujuan pindaan adalah **demi kepentingan rakyat dan negara**
 - Namun begitu, Perlembagaan Malaysia **tidak boleh** dipinda sewenang-wenangnya.
-
- Tujuan pindaan perlembagaan
 - a) melindungi kepentingan rakyat
 - b) Menjaga keselamatan negara
 - c) Melicinkan urusan pentadbiran negara
 - d) Menjadikan perlembagaan sesuai dengan keperluan semasa, munasabah dan kandungannya dipatuhi dengan rela hati
 - e) Melarang perkara sensitif dipersoalakan secara terbuka
 - f) Memelihara keselamatan dan keharmonian rakyat berbilang kaum negara ini.

Kaedah Pindaan Perlembagaan

Kaedah	Perkara	Butiran	Contoh Isu
1	Perkara 159 (1) & (4)	Melalui sokongan majoriti ahli Parlimen yang hadir	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pindaan kepada jadual tertentu dalam Bahagian III Perlembagaan (peruntukan tambahan kewarganegaraan ▪ Pindaan dan pelantikan Ahli Dewan Negara ▪ Perkara 74 dan 76 berhubung dengan pembahagian kuasa badan perundangan
2	Perkara 159 (3)	Melalui sokongan majoriti 2/3 ahli Parlimen	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pindaan yang tiada dalam tiga kaedah pindaan yang lain
3	Perkara 159 (5)	Melalui sokongan majoriti 2/3 ahli Parlimen Malaysia dan perkenan daripada Majlis Raja-Raja	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kedaulatan raja-raja ▪ Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak ▪ Kewarganegaraan (Perkara 14-31) ▪ Bahasa Kebangsaan ▪ Perubahan sempadan negeri
4	Perkara 161E	Melalui sokongan majoriti 2/3 ahli Parlimen serta persetujuan Yang Dipertua Negeri Sabah dan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melibatkan kepentingan Sabah dan Sarawak ▪ Bahasa, agama dan kedudukan istimewa bumiputera Sabah dan Sarawak

Proses Pindaan Perlembagaan





3.1.3 Peruntukan Utama Perlembagaan

Kedudukan
Bahasa Melayu

Kedudukan
Agama Islam

Hak Istimewa
Orang Melayu

Hak
Kewarganegaraan

Hak Asasi



Kedudukan Bahasa Melayu

Lingua Franca

Digunakan bagi tujuan rasmi

Akta Bahasa Kebangsaan 1967

Medium penyatuan bangsa Malaysia

Kedudukan Agama Islam

Agama Islam sebagai Agama bagi Persekutuan

Raja atau Sultan sebagai Ketua Agama Islam negeri masing-masing

Majlis Agama Islam ditubuhkan berdasarkan undang-undang negeri

Majlis Agama Islam – menasihatai raja tentang hal ehwal agama Islam

Hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera

Dinyatakan dalam Perkara 153 (1) Perlembagaan Persekutuan

Menjamin kedudukan orang Melayu dan melindungi hak kaum lain

Hak istimewa orang Melayu merujuk kepada 3 perkara; perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan

Hak istimewa Bumiputera- Perkara 161A

Hak Kewarganegaraan

Perkara 14 hingga 22 dalam Perlembagaan Malaysia berkaitan hak dan cara mendapatkan kewarganegaraan

Perkara 23 hingga 28 pula berkaitan dengan kehilangan hak kewarganegaraan

Cara mendapatkan kewarganegaraan ; melalui kuat kuasa undang-undang, secara pendaftaran, permohonan kemasukan dan percantuman wilayah

2 sebab kehilangan hak kewarganegaraan iaitu; apabila individu menolak kewarganegaraannya dan apabila terlucut atau dilucutkan oleh Perlembagaan Malaysia jika individu tersebut melakukan Tindakan bertentangan kehendak Perlembagaan

Hak Asasi

Perkara asas yang perlu dinikmati oleh rakyat

BaHAGIAN II, Perkara 5 hingga 13 memperuntukkan 9 hak asasi:

- a) Kebebasan diri,
- b) Keabdian dan kerja paksa dilarang
- c) Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang
- d) Kesamarataan
- e) Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak
- f) Kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu
- g) Kebebasan beragama
- h) Hak terhadap Pendidikan
- i) Hak terhadap harta

TOPIK 4

KEMASYARAKATAN DAN PERPADUAN

ISI KANDUNGAN TOPIK 4

4.1 Membincangkan perbentukan masyarakat majmuk dan perpaduan di Malaysia.

4.1.1 Definisi dan ciri-ciri masyarakat majmuk

4.1.2 faktor-faktor perbentukan masyarakat majmuk.

4.1.3 Komposisi etnik di Malaysia

4.1.4 Kesan kemasukan imigran.

PENGENALAN MASYARAKAT MALAYSIA

- * Semenjak Kesultanan Melayu Melaka, Tanah Melayu sudah menjadi tempat persinggahan dan penempatan bagi pedagang-pedagang daripada pelbagai kebudayaan dan asal usul. Justeru itu, percampuran dan pertembungan budaya dan masyarakat bukanlah merupakan satu fenomena baru di Tanah Melayu.
- * Zaman penjajahan British dari tahun 1786 hingga 1914 merupakan zaman paling penting dalam menentukan pola-pola etnik, ekonomi dan politik negara kita.

Definisi Masyarakat

- * Masyarakat menurut definisi Kamus Dewan (2005) ialah kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu.
- * Individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan kecil merupakan anggota sesebuah masyarakat.
- * Umumnya istilah masyarakat pada asasnya adalah merujuk kepada **sekumpulan manusia** yang hidup bersama di suatu tempat tertentu dalam satu komuniti yang teratur.

Masyarakat Majmuk

- * Masyarakat majmuk (Plural society) yang bermaksud masyarakat pelbagai kaum (Multi-racial society) adalah merujuk kepada suasana **kepelbagaian bangsa** yang sama-sama atau berkongsi hidup dan tinggal dalam sebuah negara sama.
- * Masyarakat Malaysia sering disebut sebagai masyarakat majmuk iaitu sebuah masyarakat yang terdiri daripada **pelbagai kaum** yang mengamalkan **budaya, agama, bahasa, adat resam dan cara hidup** yang tersendiri.

Ciri-ciri Masyarakat Majmuk

- * Menurut J.S. Furnivall (1939), seorang pakar antropologi, masyarakat majmuk merujuk kepada **masyarakat campuran yang berbilang bangsa**. Namun campuran ini dalam erti kata yang sebenar bergaul, tetapi tidak bercantum.
- * Setiap kumpulan mengamalkan **agama dan adat, kebudayaan, bahasa, fahaman dan cara hidupnya sendiri**.
- * Masyarakat majmuk ini juga **hidup bersebelahan, tetapi terasing** dalam satu unit politik. Dari segi ekonomi pula, wujud pembahagian pekerjaan mengikut kaum dan etnik.

Ciri-ciri Masyarakat Majmuk

- * J.S. Furnival (1956) dalam bukunya *Colonial Policy and Practice : A Comparative Study of Burma & Netherlands India* menggariskan ciri-ciri masyarakat majmuk sebagai berikut :
 1. Terdapat pelbagai jenis manusia (bangsa, ras, etnik) seperti Eropah, Cina, India dan penduduk asli (bumiputera).
 2. Mereka bercampur tetapi tidak bercantum atau bersatu.
 3. Hidup berdekatan tapi terpisah dalam sistem unit politik yang sama.
 4. Setiap kumpulan bangsa berpegang kepada agama, kebudayaan, bahasa, idea dan kaedah sendiri.
 5. Dalam sektor pekerjaan terdapat pembahagian tenaga buruh yang ketara mengikut kaum.

Ciri-ciri Masyarakat Majmuk (samb)

- * Harry Eckstein (1966) dalam “Division and Cohesion in Democracy” menulis bahawa masyarakat majmuk adalah masyarakat yang terpisah kerana segmen-segmen yang berasingan yang meliputi:
 - * Ras/Kumpulan etnik
 - * Budaya
 - * Bahasa
 - * Kepercayaan agama
 - * Ideologi

Faktor Pembentukan Masyarakat Majmuk

1. Push and Pull Factor

1. Penolak (negara Asal)

- * Tiada pekerjaan dan peluang ekonomi – kebuluran dan kemiskinan
- * Masalah politik seperti revolusi dsb.
- * Masalah alam semulajadi seperti banjir dan gempa bumi

2. Penarik (Destinasi penghijrahan)

Peluang Ekonomi

- * Perkembangan perusahaan getah dan bijih timah di Tanah Melayu menimbulkan keperluan terhadap tenaga buruh yang ramai.
- * Permintaan yang tinggi terhadap getah dan bijih timah bagi menghasilkan pelbagai jenis barangan
- * Revolusi Industri di Eropah menyebabkan permintaan bijih timah dan getah.
- * Pembesar Melayu mendorong kemasukan pelombong Cina dan berpuas hati dengan mengutip komisen dan cukai.

Kestabilan Politik Tanah Melayu Atas Dasar British

- Tanah Melayu di bawah jajahan British telah terjamin kestabilan politiknya. Kestabilan politik British ini telah membawa kestabilan ekonomi di Tanah Melayu.
- * Banyak tenaga buruh diperlukan untuk memenuhi keperluan pengusaha-pengusaha tempatan dan Eropah. Maka akhirnya, faktor ini telah mendorong kemasukan beramai-ramai buruh dari negara China dan India untuk mengerjakan lombong bijih timah dan ladang getah.

Komposisi Etnik Di Malaysia

Definisi Etnik

- * Etnik didefinisikan sebagai satu kelompok manusia yang mempraktikkan atau mengamalkan budaya yang hampir sama dari aspek adat resam, bahasa, pakaian, atau kegiatan ekonomi.
- * Kumpulan etnik yang wujud di Negara ini seperti di semenanjung Malaysia yang terdiri daripada melayu, cina, india, sikh, dan siam.
- * Di serawak dan sabah pula terdiri dari malanau, iban, dayak, dusun, kadazan dan sebagainya.

Komposisi Etnik Di Malaysia

- * Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.
- * Jumlah penduduk Malaysia adalah 32.7 juta yang merangkumi 90.2 peratus warganegara dan 9.8 peratus bukan warganegara.

Kaum Melayu

- ❖ 68.88% merupakan kaum Bumiputera, dimana 58.7% terdiri daripada Bumiputera Melayu dan 4.13% dari Bumiputera Lain.
- ❖ Bumiputera Lain adalah terdiri daripada Orang Asli, Siam, Serani, dan lain-lain
- ❖ Ia dikenali sebagai Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak di Malaysia Timur.
- ❖ 64.4% merupakan kaum Dayak di Sarawak dan suku kaum Kadazan-dusun majoriti di Sabah iaitu terletak di Malaysia Timur.

Komposisi Etnik Di Malaysia

Kaum Cina

- ❖ Kira kira 25.56% daripada penduduk Malaysia ialah kaum Cina kumpulan etnik kedua terbesar. Masyarakat CINA MALAYSIA terdiri daripada orang Foochow, Hainan, Henghua, Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew dan lain-lain.
- * Penghijrahan masuk masyarakat Cina secara beramai-ramai berlaku selepas pengambilan Pulau Pinang oleh British dari tangan Sultan Kedah pada tahun 1876, pengambilalihan Singapura dari tangan Sultan Johor pada tahun 1819 dan selepas penubuhan Negeri-negeri Selat pada tahun 1826.
- * Bilangan orang Cina lebih stabil selepas Perang Dunia Kedua. Sehingga tahun 1957, bilangan penduduk Cina di Tanah Melayu ialah seramai 2,332,936 orang, iaitu 37.1% daripada jumlah penduduk Tanah Melayu.

Komposisi Etnik Di Malaysia

Kaum India

- ❖ Masyarakat Orang India Malaysia pula merangkumi 6.73% daripada penduduk Malaysia yang terdiri daripada orang Tamil yang merupakan orang India terbesar di Malaysia, orang Malayali, Punjabi Sikh, Telugu dan lain-lain.
- ❖ Angka ini meningkat secara mendadak 10 tahun kemudiannya, iaitu antara tahun 1911 hingga 1920 apabila dianggarkan seramai 908,000 buruh India berhijrah ke Tanah Melayu.
- ❖ Catatan menunjukkan 90% daripada golongan penghijrah ialah orang Tamil yang berasal dari Chennai, sementara selebihnya ialah Telugu dan Malayalam.
- ❖ Selain orang Tamil, terdapat juga orang Punjabi dan orang Ceylon. Kumpulan etnik penduduk India yang terbesar ialah orang Tamil yang membentuk 80% daripada keseluruhan penduduk India di Tanah Melayu sementara orang Malayali meliputi 7%. Orang Telugu pula berjumlah 4%. Kebanyakan orang-orang Tamil dan orang-orang Telugu bekerja di estet2 getah sebagai buruh. Ada juga di kalangan orang Tamil yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan pada awal abad ke-20

Kesan Kemasukan Imigran (Masyarakat Majmuk)

POLITIK

Fahaman Dan Pengaruh Politik Yang Berbeza

- * Bagi kaum Cina dan India, mereka lebih pentingkan hal-hal politik yang berlaku di Negara asal mereka berbanding apa yang berlaku di Tanah Melayu.
- * Perhubungan antara kaum tidak begitu baik kerana wujud jurang dan prasangka yang mendalam antara satu sama lain. Tidak berlaku proses asimilasi antara kaum kerana dasar pecah dan perintah yang di amalkan oleh British.

EKONOMI

- * **Perbezaan Tumpuan Sektor Ekonomi**
- * Kesan dasar pecah dan perintah, orang Melayu kekal menjadi petani dan nelayan, kaum Cina digalakkan bergiat dalam sektor perdagangan dan perlombongan sementara orang India mengusahakan estet-estet getah dan kelapa.

SOSIAL

Pengasingan Sistem Pendidikan

- * Wujud sistem pendidikan yang berbeza berdasarkan tiga kaum iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Kaum Melayu dibenarkan mendapat pendidikan di sekolah vernakular dan sekolah beraliran Inggeris. Namun, sekolah beraliran Inggeris hanya untuk anak-anak bangsawan sahaja.

SOSIAL

Pemisahan Tempat Tinggal

*Pemisahan ini adalah kesan daripada dasar 'pecah dan perintah' yang diamalkan oleh kerajaan British. Petempatan lebih bercirikan sesuatu kaum yang wujud di Tanah Melayu iaitu kaum Cina, Melayu dan India.

*Kaum-kaum ini juga kurang memahami budaya, agama dan adat resam kaum-kaum lain. Ekoran itu, mereka takut untuk berada dalam satu kelompok masyarakat / kawasan tempat tinggal yang sama kerana bimbang akan mencetuskan perselisihan faham.

Kesan Perubahan Kepada Masyarakat Majmuk

- * Percampuran budaya
- * Perubahan hak (Pertambahan/Pengurangan)
- * Perubahan status sesuatu masyarakat atau bangsa.
- * Satu bangsa satu negara
- * Kehilangan budaya asal sesuatu kaum

Masyarakat Malaysia – Masyarakat Majmuk

- * Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk – terdiri daripada pelbagai etnik/kaum/bangsa.
- * Rumpun bangsa utama yang membentuk masyarakat Malaysia ialah Melayu (termasuk Bumiputera), Cina dan India di samping kaum-kaum minoriti yang lain.
- * Di Sabah, etnik terbesar ialah Kadazan, Dusun dan Bajau.
- * Di Sarawak kelompok terbesar ialah Iban, Bidayuh, Melanau, Kelabir dan juga Penan.
- * Hakikatnya, ini bukan gambaran sebenar yang dapat menerangkan struktur masyarakat kerana terdapat lebih 40 etnik berbeza di Sabah dan Sarawak.

Hubungan Etnik di Malaysia

- * Pada asasnya hubungan antara kaum adalah baik. Bagaimanapun adakalanya hubungan antara kaum dan etnik boleh menjadi tegang. Contoh peristiwa : 13 Mei 1969.

Faktor penyumbang kepada masalah integrasi atau faktor mempengaruhi hubungan etnik di Malaysia

- * Dasar Pecah dan Perintah
- * Politik Perkauman (Communalism)
- * Perbezaan fahaman dan orientasi politik.
- * Perbezaan agama, sistem kepercayaan dan kebudayaan
- * Penggunaan akhbar berbeza-beza
- * Sistem persekolahan yang beraneka ragam

4.2.1 Konsep Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Bagi Membentuk Hubungan Dan Interaksi Sosial Dalam Masyarakat Majmuk



FAKTOR-FARTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

1 *Pemisahan Tempat Tinggal Atau Petempatan*

- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, masyarakat tinggal di kampung-kampung mengikut kaum masing-masing.
- Pemisahan tempat tinggal yang wujud dalam masyarakat negara ini pada awal kemerdekaan sebenarnya berlaku akibat daripada kesan pemecahan yang dilaksanakan semasa pendudukan British.
- Pendudukan British di Tanah Melayu pada abad ke-19 telah membawa masuk buruh Cina dan India secara beramai-ramai.
- Terdapat perkampungan Melayu di kawasan pinggir pekan dan di bandar pula kelihatan kedai-kedai Cina sementara buruh-buruh India bertumpu di ladang-ladang getah.
- Di Sabah dan Sarawak pula, wujud perkampungan yang terdiri dari rumah panjang kaum Iban dan kampung kaum Kadazan. Mereka ini terpisah dan berbeza antara satu sama lain.

Faktor lain pemisahan tempat tinggal mereka iaitu ;

- a) Dari segi psikologi, mereka rasa lebih selamat untuk tinggal berdekatan dengan kenalan, rakan-rakan dan saudara mara.
- b) Kurang memahami budaya, agama, adat resam dan pantang larang kaum-kaum lain.
- c) Akibat dasar 'pecah dan perintah' yang dilaksanakan oleh pihak British untuk kemudahan mereka.

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

2

*Perbezaan
Tumpuan Sektor
Ekonomi*

- Pengelompokan petempatan mengikut kaum lahir ekoran pengasingan sektor ekonomi setiap kaum.
- Orang Melayu kekal sebagai petani sara diri dan nelayan, orang Cina digalakkan untuk bergiat dalam sektor perdagangan dan perlombongan sementara orang India dikekalkan di estet-estet.
- Aktiviti ekonomi yang berbeza hampir tidak memungkinkan setiap kaum untuk bertemu dan bergaul.



FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

3

*Pengasingan
Sistem
Pendidikan*

- Sistem pendidikan yang ditinggalkan oleh British menimbulkan masalah perpaduan antara kaum.
- Bagi pelajar Melayu, hanya dua jenis sistem pendidikan dibenarkan, iaitu sekolah vernakular Melayu ataupun beraliran Inggeris. Namun, sekolah beraliran Inggeris hanya untuk anak-anak bangsawan.
- Pelajaran di sekolah-sekolah Melayu pula hanyalah berbentuk pendidikan asas kerana mereka tidak digalakkan untuk menjadi terlampau pandai dan menguasai bidang akademik.



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

3

Pengasingan Sistem Pendidikan



- Bagi masyarakat India, sekolah tamil dibuka di estet-estet. Walaupun guru-guru yang mengajar di sini dibawa dari India, namun mutu pengajaran mereka sangat rendah.
- Tidak ada pelajaran pada peringkat menengah dalam bahasa Tamil.
- Orang Cina juga mempunyai sistem pendidikan mereka sendiri. Orang Cina memang terkenal dengan tradisi mementingkan pendidikan anak-anak mereka.
- Guru-guru dan buku teks yang digunakan di sekolah ini dibawa dari negara China.
- Cina lebih mementingkan pergolakan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara China berbanding dengan perkembangan di Tanah Melayu.

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

3

*Pengasingan
Sistem
Pendidikan*

- Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa pada zaman British, aliran-aliran pendidikan di negara ini berasingan dan memisahkan pandangan dan tumpuan antara kaum.
- British tidak bercadang menyatukan semua kaum dalam satu sistem pendidikan kerana hal ini boleh melahirkan semangat perpaduan dan nasionalisme yang sama dalam kalangan rakyat.
- Di samping itu, pendidikan memang tidak diberikan kepada penduduk asli Sabah dan Sarawak.
- Di Sarawak, keluarga Brooke merasakan anak-anak orang Dayak tidak perlu diberi pendidikan kerana akan memusnahkan kebijaksanaan semula jadi yang wujud dalam budaya mereka.



FAKTOR-FARTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

4

Fahaman Dan Pengaruh Politik Yang Berbeza

- Fahaman politik setiap kaum juga sangat berbeza.
- Bagi kaum Cina dan India, hal-hal yang berlaku di negara asal mereka adalah lebih penting daripada isu politik di Tanah Melayu.
- Pada tahun 1930-an, telah berlaku pergeseran antara orang Cina dengan Jepun di begara China.
- Ramai orang Cina di Tanah Melayu yang terdorong untuk kembali ke tanah air mereka bagi membantu anak-saudara mereka.
- Orang India juga masih menganggap India sebagai tanah air mereka dan berharap untuk kembali.



FAKTOR-FARTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

4

Fahaman Dan Pengaruh Politik Yang Berbeza

- Bagi orang Melayu sendiri, mereka sentiasa ingin memastikan hak dan kepentingan mereka di tanah air sendiri terpelihara.
- Kurangnya penyatuan menyebabkan perjuangan orang Melayu hanya tertumpu kepada kaum mereka sendiri dan tidak mengambil kira keadaan kaum-kaum lain.
- Selain itu, perasaan curiga sesama kaum menyukarkan mereka untuk bekerjasama.
- Fahaman politik yang berbeza juga menyebabkan kesukaran PERIKATAN untuk menang 2/3 majoriti dalam Pilihan Raya 1969 walaupun pada waktu itu MCA dan MIC telah menganggotai PERIKATAN.



FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

5

*Masalah
Ekonomi*




- Dalam bidang ekonomi, jelas orang Melayu dan penduduk asli lain menguasai bidang yang mundur, iaitu kerja yang memerlukan banyak tenaga manusia dan berteknologi rendah sementara pulangan dan gajinya yang rendah.
- Orang Melayu lebih menguasai sektor primer sementara orang Cina menguasai sektor yang lebih maju dan berteknologi moden dan memberi kesan ketidakseimbangan pendapatan.
- Ketidakseimbangan pendapatan ini juga menyebabkan setiap kaum saling mencemburui antara satu sama lain.
- Orang Melayu mencemburui kemewahan dan kejayaan orang Cina, sementara orang Cina dan India pula mencemburui kelebihan orang Melayu yang mendapat peluang perkhidmatan dalam sektor-sektor pentadbiran awam.

FAKTOR-FARTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

6

*Perbezaan
Kepercayaan
Atau Agama*

- Secara amnya, setiap kaum menganut agama yang berbeza-beza seperti Melayu beragama Islam, India beragama Hindu dan Cina beragama Buddha.
- Selain masyarakat di Semenanjung, ramai kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak pula menganut agama Kristian.
- Sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab terdahulu, pegangan dan ideologi setiap agama ini berbeza.
- Oleh itu, sukar untuk membentuk perpaduan sekiranya tiada sifat tolak ansur bagi setiap kaum dengan fahaman agama kaum lain.



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

7

Penggunaan
Akhbar Yang
Berbeza-beza

- Setiap akhbar mengikut bahasa masing-masing memberikan perhatian secara menyeluruh kepada golongan tertentu sahaja.
- Akhbar bahasa Cina, misalnya mengutamakan perkembangan dan kejadian yang berlaku di negara China sementara akhbar berbahasa Tamil menonjolkan berita di India.
- Perkembangan ini memperkuatkan semangat kecintaan kepada tanah air asal dan kaum masing-masing sahaja serta menyulitkan mereka untuk memahami bahasa, budaya dan sensitiviti kaum-kaum lain.



FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL



*Pemerintahan
Jepun*



- Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pernah dijajah oleh Jepun dari tahun 1942 hingga tahun 1945.
- Jepun mengamalkan sikap berat sebelah dengan anti-Cina dan memberikan peluang kepada orang Melayu terlibat dalam sektor pentadbiran.
- Situasi ini menimbulkan kemarahan orang Cina dan menyemarakkan lagi sentimen perkauman.
- Apabila Jepun menyerah kalah, iaitu sebelum pihak British kembali ke tanah Melayu, ramai antara kaum Cina yang menganggotai pasukan Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun atau lebih dikenali sebagai Bintang Tiga telah keluar dari hutan membalas dendam terhadap orang Melayu.
- Pergaduhan yang sengit berlaku antara orang Melayu dengan orang Cina telah melibatkan banyak kematian.
- Walaupun Bintang Tiga dapat ditumpaskan setelah kembalinya British, namun sentimen perkauman ini masih kuat dalam kalangan mereka.

RUMUSAN



***Bangga Jadi
Anak Malaysia!***

Perpaduan penting bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, pelbagai ranjau berduri yang dilalui oleh generasi terdahulu untuk menuntut kemerdekaan. Hasil perpaduan masyarakat Tanah Melayu ketika itu yang berganding bahu menuntut kemerdekaan telah membuka mata pihak Inggeris supaya memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Implikasinya, masyarakat kini hidup harmoni tanpa gangguan dan kongkongan penjajah. Perpaduan yang telah wujud kini adalah warisan daripada warisan nenek moyang yang harus dikekalkan agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Selain itu, perpaduan kaum juga dapat mengelakkan semangat assabiah iaitu semangat kekitaan yang hanya mementingkan diri sendiri ala 'enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing'.

Semangat assabiah ini akan menimbulkan permusuhan antara kaum. Hasilnya, Malaysia dapat menjadi contoh terbaik kepada negara lain seperti negara Amerika Syarikat yang mengamalkan Dasar Aparteid.

4.2.2 Usaha Ke arah Perpaduan Dan Integrasi Nasional



Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

1 Politik



- Melalui sistem demokrasi berparlimen, kerajaan yang memerintah diberi kuasa memerintah atas pilihan dan persetujuan rakyat melalui pilihan raya.
- Gabungan parti-parti komponen misalnya yang mewakili pelbagai kaum melambangkan wujudnya perpaduan dan intergasi nasional dikalangan pemimpin kerana mereka akan mendengar suara rakyat dari pelbagai kaum dan bukannya satu kaum.
- Keadaan ini telah menunjukkan bahawa tidak wujud diskrimasi kaum dalam konteks politik Malaysia kerana terdapat perwakilan daripada semua kaum.
- Penggabungan parti-parti politik ini menimbulkan semangat perpaduan politik di bawah satu ideologi yang sama walaupun terdiri daripada pelbagai kaum serta menggalakkan kerjasama, interaksi dan saling tolong ansur sesama ahli.



Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

2

Ekonomi

- *Dasar Ekonomi Baru (DEB) mempunyai objektif untuk membasmi kemiskinan dan untuk menyusun semula masyarakat yang mempunyai dua matlamat yang utama ;*
 - a) *pengambilan pekerja-pekerja di pelbagai sektor ekonomi dan di semua peringkat pekerjaan serta hakmilik harta-harta produktif yang terdapat di dalam Negara ini disusun semula supaya pada tahun 1990 orang Melayu akan dapat memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah hakmilik tersebut. Justeru, penyusunan semula masyarakat dapat dibuat.*
 - a) *melalui DEB, peluang pekerjaan yang luas diwujudkan dan pendapatan rakyat diseimbangkan untuk mengurangkan jurang perbezaan diantara etnik-etnik dan kawasan bandar dengan luar bandar. Dengan terhapusnya perbezaan fungsi ekonomi mengikut kaum akan dapat mewujudkan perpaduan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di samping meninggikan lagi taraf pembangunan ekonomi Negara.*



Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

Sosial

3

#1 Rukun Negara



- *Ideologi Rukun Negara dapat didefinisikan sebagai Ideologi Negara Malaysia.*
- Rukun Negara penting kerana ia merupakan asas perpaduan rakyat. Ia juga merupakan landasan yang menentukan hubungan rakyat sesama mereka selain menjadi satu lambang yang merupakan bentuk rupa masyarakat dan bangsa yang dikehendaki oleh rakyat.
- Penerimaan rakyat terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara akan dapat membantu melahirkan perpaduan sosial antara satu sama lain.
- Melalui amalan-amalan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara di kalangan rakyat ini akan dapat menjamin kewujudan sistem kerajaan yang bersifat demokratik dan stabil.
- Kerajaan mencipta Rukun Negara untuk mewujudkan perpaduan dan intergrasi nasional dikalangan masyarakat berbagai kaum dengan memberi penghayatan dan menggunakan Rukun Negara sebagai satu cara untuk memimpin mereka ke arah perpaduan intergrasi nasional.

Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

3

Sosial

#2 Pendidikan
Dan Bahasa

- *Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah bertujuan untuk menyatu padu semua kaum dan menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pembangunan negara.*
- Kerajaan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar yang utama. Bahasa kebangsaan merupakan alat perhubungan dan perpaduan yang penting bagi negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia.
- *Perkara 152 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu dikenali sebagai Bahasa Malaysia selepas 1969 adalah bahasa kebangsaan negara.*
- *Kerajaan telah mewujudkan Kempen Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu oleh semua kaum. Cogan kata, "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada tahun 1960. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah memperuntukkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi."*
- Penguasaan Bahasa Melayu akan membolehkan pelajar berkomunikasi dengan rakan yang berlainan kaum supaya dapat menggalakkan perpaduan dikalangan pelajar-pelajar di sekolah.



Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

3

Sosial

#3 Kebudayaan

- Melalui kegiatan budaya, rakyat dapat berinteraksi dan memahami antara satu kaum dengan yang lain. Hal ini akan memudahkan lahirnya rasa persefahaman, toleransi dan perpaduan di kalangan masyarakat.
- Untuk mencapai tujuan tersebut, kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal negara ini dan agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.



Usaha Dan Strategi Kerajaan Bagi Memantapkan Usaha Mencapai Perpaduan Dan Integrasi Nasional

3

Sosial

#3 Kebudayaan



- Unsur-unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar juga diterima menjadi unsur Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- Kerajaan akan menerapkan pepaduan dan intergrasi nasional kepada rakyat yang pelbagai etnik dalam aktiviti yang akan dijalankan menerusi Dasar Kebudayaan Kebangsaan seperti memperkenalkan konsep rumah terbuka semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas untuk mengalakkan masyarakat pelbagai etnik didalam Malaysia untuk saling kunjung-mengunjung di antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, kaum, agama dan budaya.
- Melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan masyarakat dapat mengenali budaya dan agama orang lain dan secara langsung akan mewujudkan perpaduan dan intergrasi nasional dikalangan rakyat.



Rumusan

Selain pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam menjamin kestabilan negara, perpaduan dapat membangunkan ekonomi negara. Perpaduan yang ditunjukkan oleh masyarakat Malaysia akan menarik minat pelancong asing untuk mengenali dengan lebih dekat lagi budaya masyarakat Malaysia yang berbeza kaum dan agama tetapi dapat hidup dengan harmoni di bawah satu umbung.

Selaras dengan itu, ekonomi negara akan berkembang dengan memasukkan pelancong asing. Masyarakat Malaysia juga dapat berkongsi ilmu antara satu sama lain dalam membangunkan negara. Pelabur dari luar negara juga akan berminat untuk melabur di Malaysia. Rentetan itu, perpaduan kaum mampu meningkatkan taraf ekonomi negara dan menjadikan Malaysia berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain.

Pelbagai program atau aktiviti perlu direncana dan dilaksanakan oleh semua pihak bagi memupuk semangat perpaduan kaum. Masyarakat Malaysia juga perlu memainkan peranan dalam memupuk perpaduan kaum supaya negara kekal dalam kemerdekaan.



4.3 KONSEP RUKUN NEGARA

4.3.1 Latar Belakang Rukun Negara

- Rusuhan kaum pada 13/05/1969 telah menggugat keamanan dan kestabilan negara dan tindakan yang diambil ialah mengistiharkan darurat.
- Kerajaan berparlimen telah digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk keamanan dan menegakkan semula undang-undang
- Majlis Perundingan Negara (MPN) ditubuhkan pada 1970 yang berfungsi membincangkan isu-isu perpaduan nasional dan hubungan antara kaum
- MPN memutuskan Malaysia memerlukan satu ideology negara yang boleh diamalkan oleh seluruh rakyat kearah negara yang bersatu-padu
- Rukun Negara telah diistiharkan oleh Yang DiPertuan Agong pada 31/8/2021

4.3.2 Objektif dan Prinsip-prinsip Rukun Negara

1. Mencapai perpaduan yang lebih erat.
 - Semua rakyat hendaklah mendukung cita-cita membentuk satu bangsa dan negara tanpa mengira kaum dan perbezaan kepercayaan masing-masing
2. Mencipta masyarakat yang adil
 - Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara
 - Masyarakat yang adil akan wujud jika kekayaan negara dapat dibahagikan dengan adil dan saksama
3. Memelihara satu cara hidup demokratik
 - Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan berpolitik rakyat asalkan tidak melanggar undang-undang.
4. Membentuk satu sikap yang liberal
 - Masyarakat bebas mengamalkan agama dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan matlamat perpaduan negara.
5. Membina sebuah masyarakat yang progresif.
 - Kita bercita-cita mewujudkan sebuah masyarakat progresif dan mencapai kemajuan di bidang sains dan teknologi selaras perkembangan dunia tanpa sempadan
 - Namun begitu, kemajuan teknologi tidak akan menjadikan rakyat terkeluar daripada batas agama dan nilai ketuhanan.

4.3.3 Strategi Pemantapan Perpaduan Berdasarkan Penghayatan Prinsip Rukun Negara.

1. Memupuk perpaduan.
 - dijalankan secara berterusan, berkesinambungan, berhemah dan tertib.
 - Kombinasi nilai-nilai murni seperti kasih sayang, bertolak ansur dan menjaga ukhwah hendaklah dimiliki oleh setiap individu
 - Pelaksanaan peringkat sekolah rendah melalui kurikulum
 - Perpaduan meliputi ciri-ciri afektif individu seperti perasaan, emosi, sentiment sikap dan nilai.
2. Sifat Toleransi
 - Sifat ini menjadi keperluan utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum
 - Toleransi, bertolak ansur dan sedia mendengar pandangan orang lain dapat mengelakkan pergaduan dan konflik
3. Memelihara keadilan
 - Tujuan keadilan ialah menjamin keharmonian dan kesejahteraan
 - Adil ialah meletakkan sesuatu pada haknya
 - Dalam semua perkara rakyat perlu dilayan sama rata tanpa mengira perbezaan warna kulit, kepercayaan, jantina dan lain-lain
4. Mengamalkan kebebasan
 - Kebebasan dalam system demokrasi membolehkan rakyat bersuara untuk menyampaikan pandangan dan pendapat masing-masing.

4.3.3 Strategi Pemantapan Perpaduan Berdasarkan Penghayatan Prinsip Rukun Negara.

5. Hormat-menghormati

- Mengamalkan sifat ini kepada ibu bapa, orang tua, raja, pemimpin dan adat resam kaum lain.
- Sifat ini akan melahirkan perasaan memuliakan, menghargai dan menghormati orang lain bagi mewujudkan keamanan sejagat

6. Bekerjasama

- Muafakat dan gotong-royong membawa maksud bekerjasama tanpa meminta upah
- Mampu melahirkan persefahaman yang utuh dan mantap

7. Patriotism dan nasionalism

- Setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab mengekalkan keamanan negara.

TOPIK 5

ISLAM DI MALAYSIA

5.1 MENUNJUKKAN KEFAHAMAN MENGENAI KEDUDUKAN ISLAM DI MALAYSIA

5.1.1 Menerangkan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan.

5.1.2 Menerangkan kedudukan Islam dalam masyarakat majmuk.

5.1.3 Menerangkan kedudukan agama-agama lain di Malaysia.

PENGENALAN


Agama – kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan tersebut.

Penganut akan:-

- Menerima ajaran
- Mematuhi perintah Tuhan
- Mentaati ajaran agama
- Melaksanakan ibadat yang dituntut
- Meninggalkan larangan agamanya



5.1.1 Menerangkan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan



Dilindungi di bawah
Akta Hasutan



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Mengandungi pindaan terkini - Akta 1260/2006

Diperkenalkan pertama kali sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Kemerdekaan : 31 Ogos 1957
Berikutnya diperkenalkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada Hari Malaysia : 16 September 1963

Perkara 3. Agama bagi Persekutuan.

(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Perkara 3 – Agama bagi Persekutuan

(Terkandung dalam Perlembagaan Malaysia)

- Islam ialah agama Persekutuan
- Agama lain boleh diamalkan dengan aman
- Sultan/Raja merupakan ketua agama Islam di setiap negeri dan YDPA adalah ketua agama bagi negeri yang tiada Sultan/Raja
- Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan untuk mengawal selia perkara berkaitan agama untuk menasihati YDPA




5.1.1 Menerangkan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan

Perkara 11 – Kebebasan Beragama

(Terkandung dalam Perlembagaan Malaysia)

- Semua agama bebas diamalkan dengan aman
- Melalui Perkara 11(4) menyekat dan mengawal apa-apa pengembangan agama lain kepada penganut agama Islam
- Setiap agama berhak menguruskan hal ehwal kewangan masing-masing sahaja -> urusan hal ehwal agama, menubuh dan selenggara institusi, memperoleh dan mempunyai harta serta mentadbirnya mengikut undang-undang



5.1.2 Menerangkan kedudukan Islam dalam masyarakat majmuk

- Agama Islam dibawa masuk ke Tanah Melayu sejak abad ke-12M
- Tersebar ke Alam Melayu -> pemerintah, mubaligh, perdagangan dan perkahwinan
- Batu Bersurat Terengganu bertarikh 702H (1303M) ditemui di Kuala Berang membuktikan ajaran telah tersebar luas di Tanah Melayu pada abad ke-14
- Kesultanan Melayu Melaka berperanan penting memastikan penyebaran dan pengukuhan agama Islam -> ulama Tanah Arab dan India dijemput mengembangkan ajaran dan istana menjadi pusat Pendidikan agama


Matlamat ajaran Islam

- a) Melahirkan manusia yang percaya kepada kekuasaan Allah semata-mata
- b) Melahirkan manusia yang mempunyai cara hidup tersusun dan bersistematik
- c) Melahirkan manusia yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah

Aspek yang ditekankan dalam ajaran Islam:-

- jiwa sentiasa bersih
- pemeliharaan akal dan fikiran
- pemeliharaan maruah dan keturunan
- pemeliharaan harta benda
- pemeliharaan hak dan kebebasan

5.1.3 Menerangkan kedudukan agama-agama lain di Malaysia



Bibliografi

- Ilias Bin Zaidi.(2007). Pengajian Am Kertas 1&2. Penerbit Ilmu Media Trade.
- Mary Tan Swee Ee & Lee Veen. (2017).Target Sukses Sejarah. Penerbit Sasbadi Sdn. Bhd.
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani. (2002). Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat. Penerbit PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ranjit Singh Malhi. (2010). Pengajian Am Kenegaraan Malaysia. Penerbit TQM Consultants Sdn. Bhd.
- Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail & Zaini Othman. (2004). Kenegaraan Malaysia. Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan(1997). Kenegaraan Malaysia. Serdang : Penerbit UPM.
- Furnivall, J.S. (1948) *Colonial Policy and Practices*. London : Cambridge University Press.
- Nazaruddin Hj. Mohd Jali, et.al (2003). *Malaysian Studies : Nationhood and Citizenship*. Edisi ke-1 Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.